

# BULETIN ICT

NEGERI MELAKA

## PERANAN *Media Sosial* Dalam Kehidupan

### TOKOH

Bill Gates : Pengasas Syarikat Microsoft

### KERAJAAN

Kerjasama Negeri Melaka - Red Hat

Pelekat WiFi@Melaka

Peraturan Perniagaan 'Online'

### INFORMASI

Perbandingan Tablet 2013

Sistem Pengoperasian Linux Popular

Aplikasi Telefon Pintar Terbaik

### PROGRAM

Bengkel Adobe Photoshop

Bengkel CMS Joomla!

JULAI 2013



Bahagian K-Ekonomi  
Jabatan Ketua Menteri Melaka

## Perutusan Ketua ICT Negeri Melaka

BISMILLAHIRAHMANNIRAHIM  
Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera



Di era ICT ini, pelbagai saluran komunikasi telah melalui revolusi yang ternyata memberi impak yang begitu signifikan terhadap penduduk di seluruh dunia, terutama bagi pengguna dan penyedia kemudahan ICT. Seperti kebiasaan, setiap kekuatan teknologi, terdapat ruang yang boleh diambil peluang oleh sesetengah pihak.

Media sosial yang sebelum ini dirasakan tidak formal, telah mula menjadi medium utama dalam komunikasi, terutama apabila masyarakat umum boleh mempercayai kenyataan yang dibawakan sungguhpun tiada asas dalam kenyataan berkenaan. Segelintir pengguna yang tidak bertanggungjawab turut terlibat dalam pemalsuan identiti atau menggunakan nama samaran dalam

akaun mereka. Melalui akaun ini pelbagai kenyataan yang negatif diutarakan, dengan harapan tindakan mereka ini tidak akan dikesan oleh pihak berkuasa.

Terdapat juga cadangan agar aktiviti media sosial ini disekat, dan tidak kurang juga yang mempertahankan kebebasan internet ini, dengan merujuk kepada jaminan MSC Malaysia nombor tujuh iaitu tiada penapisan Internet, namun jaminan ini telah disalah interpretasi, sebenarnya, jaminan ini hanya diberi kepada syarikat-syarikat ICT yang mempunyai status MSC Malaysia, sungguhpun demikian, jaminan ini tidak memberi hak untuk penyebaran kandungan yang menyalahi undang-undang.

Pihak umum sewajarnya menganalisa kenyataan yang dibaca dari segi kesahihan fakta serta kredibiliti pembawanya, supaya tindakbalas yang dilakukan ekoran dari pembacaan ini, memberikan penghasilan yang lebih matang dan rasional.

Dr. Mohamed Sulaiman Sultan Suhaibuddeen  
Ketua ICT Negeri Melaka @ Ketua Editor

## ISI KANDUNGAN

### FOKUS

Media Sosial : Baik atau Buruk?	4
Statistik Media Sosial	5

### KERAJAAN

Kerjasama Negeri Melaka - Red Hat	6
Peraturan Perniagaan Dalam Talian	6
Pelekat WiFi@Melaka	7
Aplikasi MyHRMIS & JPA Demo Bahaya	7

### TOKOH

Bill Gates: Pengasas Syarikat Microsoft	8-10
---	------

### INFORMASI

Perbandingan Tablet 2013	11
Sistem Pengoperasian Linux Yang Populer	12
Aplikasi Percuma Paling Diminati	13

### PROGRAM

Laporan dan Gambar Program Bulanan	14-15
------------------------------------	-------

#### Penaung

Y.A.B Datuk Wira Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron  
Ketua Menteri Melaka

#### Penasihat

YB Datuk Hj. Naim bin Abu Bakar  
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

#### Ketua Editor

Dr. Mohamed Sulaiman bin Sultan  
Suhaibuddeen  
Ketua ICT Negeri Melaka

#### Editor

Muaz bin Ghazali

#### Sumbangan Bahan

Bahagian Perkhidmatan Teknologi  
Maklumat, Jabatan Ketua Menteri Melaka

#### Penerbit & Percetakan

Bahagian K-Ekonomi,  
Inkubator K-Ekonomi, Jln Business City,  
Bandar MITC, Hang Tuah Jaya,  
75450 Ayer Keroh, Melaka.  
No.Tel : 06-2324425/4436  
No.Faks : 06-2331460  
Laman Web : <http://www.emelaka.gov.my>

Hak Cipta Terpelihara | Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan, dalam apa-apa jua cara, sebelum mendapat izin bertulis daripada Bahagian K-Ekonomi. Sidang editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Bahagian K-Ekonomi mahupun Kerajaan Negeri Melaka tidak akan bertanggungjawab sekiranya maklumat di dalam Buletin ini menyebabkan kerugian kepada para pembaca kerana maklumat yang disampaikan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pendirian Bahagian K-Ekonomi mahupun Kerajaan Negeri Melaka.



## YAB Datuk Wira Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron

(DCSM, DMSM, DSM, BKC)

Mengucapkan

*Selamat Hari Raya Aidilfitri*  
*Maaf Zahir & Batin*

Dan Menjemput Semua Pembaca Menghadiri

**“Majlis Rumah Terbuka”**

Pada **Hari Raya Pertama** bertempat di **Dewan MITC**

Idris Haron

[twitter.com/idrisharon66](https://twitter.com/idrisharon66)



## Media Sosial : Baik atau Buruk?



### PENGENALAN

Media Sosial dalam erti kata lain adalah alat atau perantara untuk berkomunikasi, berhubungan dan perkongsian maklumat mengenai segala hal yang berkaitan kemasyarakatan yang kerap digunakan pada masa kini. Ia juga menjadi satu fenomena semasa di mana manusia lebih gemar menjadikan media sosial sebagai saluran atau sumber utama segala maklumat yang berlaku di dunia terutamanya penggunaan media sosial di kalangan belia.

Ciri-ciri yang ada pada media sosial seperti mudah, cepat dan mampu menyampaikan maklumat secara terus melonjakkan populariti media sosial sehingga menggugat kewujudan media tradisional.

### PENGGUNA

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah penduduk di negara ini sehingga suku pertama bagi tahun 2013 ini adalah sebanyak 29.6 juta penduduk. Daripada jumlah penduduk tersebut, seramai 19.2 juta penduduk di negara ini adalah merupakan pengguna internet.

Dengan pelbagai kemudahan yang disediakan sekarang ini untuk mengakses internet, tidak hairan sekiranya penduduk di negara ini begitu teruja menggunakan media sosial untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Namun persoalannya di sini adakah pengguna internet di negara meng-

etahui tentang perkara yang perlu atau tidak perlu dilakukan sekiranya menggunakan media sosial? Adakah mereka mampu menjadi pengguna yang beretika semasa melayari media sosial ini?

### KESAN BURUK

Walaupun secara umumnya media sosial banyak menjerus ke arah kebaikan, tidak dinafikan ada segelintir pengguna yang tidak bertanggungjawab dan terlalu mementingkan diri sendiri menggunakannya untuk tujuan negatif seperti memfitnah, menyebarkan khabar angin, pornografi dan sebagainya.

**“Wanita hina Agong di Facebook ditahan”**  
*Sinar Harian, 4 Jun 2013*

Kesan penyalahgunaan media sosial kadangkala membawa konflik dan keadaan yang kucar-kacir dalam masyarakat. Ini kerana ada kalanya cara penulisan dan penyebaran maklumat yang negatif ini nampak begitu meyakinkan hingga mereka seolah-olah menjadi hakim yang menjatuhkan hukuman tanpa bukti kukuh. Penganiayaan yang dilakukan melalui media sosial pula lebih hebat kesannya kerana cepat tersebar dan mendapat tindak balas segera daripada pengguna lain.

### KEBAIKAN

Sudah pasti banyak kebaikan yang boleh didapati daripada penggunaan media sosial ini. Media sosial dijadikan tempat berinteraksi, menyampaikan maklumat dan propaganda, ruangan iklan, mencari rakan lama, interaksi keluarga, bertukar pendapat serta sebagai wadah pembelajaran yang interaktif dan kreatif. Malah media sosial juga digunakan oleh pelbagai golongan umur atau status

kehidupan mahupun organisasi. Ini menunjukkan bahawa media sosial mempunyai peranan yang begitu besar dalam arus kehidupan masyarakat pada hari ini.

**“Kementerian Pertanian guna media sosial tarik minat generasi muda”**  
*Akhbar KOSMO, 3 Julai 2013*


Media sosial juga mempunyai tanggungjawab kepada masyarakat dan patut beroperasi mengikut undang-undang dan berlandaskan hak asasi individu serta harus disesuaikan dengan budaya dan politik sesebuah negara bagi menjamin kesejahteraan masyarakat di sesebuah negara untuk jangka masa yang lama.

### PEMANTAUAN

Pemantauan ibu bapa terhadap anak-anak melalui media sosial amatlah penting kerana mereka boleh mengetahui apa yang dilakukan anak-anak dan membimbing mereka untuk menjadi seorang pengguna yang baik. Pemantauan yang lemah terhadap aktiviti anak-anak di media sosial akan menyebabkan mereka mudah leka dan terpengaruh dengan perkara-perkara yang tidak bertanggungjawab yang ada pada media sosial.

Walaupun pertambahan pengguna internet setiap tahun dilihat sebagai satu petanda positif seiring dengan pembangunan negara, namun pelbagai aspek perlu dilihat terutamanya pihak kerajaan dalam memastikan penggunaan media sosial tidak menyebabkan kesejahteraan negara berada dalam keadaan yang membimbangkan. Kesimpulannya, baik atau buruk penggunaan media sosial ini terletak pada penggunaannya. Jadilah seorang pengguna media sosial yang bertanggungjawab agar kesejahteraan negara sentiasa terjaga.


## STATISTIK Media Sosial



**1.15 Bilion**  
Jumlah pengguna aktif bulanan

---

**699 juta**  
Jumlah pengguna aktif setiap hari




**13.6 juta**  
Jumlah pengguna di Malaysia

---

**4.5 Bilion**  
Purata Harian Facebook Likes

**Tertinggi di Malaysia**


**Pemimpin**



**2,140,642** likes  
Dr. Mahathir bin Mohamad

---

**Selebriti**



**2,542,765** likes  
Lisa Surihani

\* Data diambil pada 30 Julai 2013



**500 juta**  
Jumlah pengguna yang berdaftar

---

**200 juta**  
Jumlah pengguna yang aktif setiap bulan



**400 juta**  
Aggaran jumlah 'tweet' yang dihantar setiap hari

---

**170 minit**  
Jumlah minit yang diperuntukkan pengguna setiap bulan di Twitter

**'FOLLOWERS' Tertinggi di Malaysia**

**Pemimpin**



**@NajibRazak**  
**1,684,900** pengikut

---

**Selebriti**



**@LisaSurihani**  
**1,487,669** pengikut

\* Data diambil pada 30 Julai 2013



**1 Bilion**  
Lebih dari 1 Bilion pengguna unik melawat YouTube setiap bulan

**6 Bilion**  
Lebih dari 6 Bilion jam video ditonton setiap bulan

---

**100 jam**  
100 jam video di upload pada setiap minit



**Gangnam Style**  
Video musik Gangnam Style adalah video yang paling banyak ditonton (**hampir 1.72 Bilion**)

## Negeri Melaka jalin kerjasama dengan Red Hat



Red Hat, sebuah syarikat penyelesaian sumber terbuka, telah menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU) dengan kerajaan negeri Melaka dan Abyres, satu daripada rakan kongsi Red Hat di Malaysia pada 27 September 2012 yang lalu untuk membangunkan sebuah Pusat Kecemerlangan Sumber Terbuka di negeri ini. Negeri Melaka merupakan negeri yang pertama mengambil inisiatif untuk meningkatkan kesedaran sektor awam terhadap penggunaan teknologi sumber terbuka.

Dalam perjanjian itu, Red Hat akan menyediakan bahan latihan di bawah kurikulum Akademi Red Hat ke Universiti tempatan, Politeknik dan Kolej Komuniti di Negeri Melaka. Selain itu, Red Hat akan memberikan 50 lesen bantuan untuk Pusat Sumber Terbuka Negeri Melaka dan sebanyak 20 lesen juga diberikan untuk Universiti, Politeknik dan Kolej Komuniti di negeri ini. Peperiksaan Sijil juga akan disediakan dengan bayaran diskaun untuk pelajar, pensyarah dan pengajar.

Naib Presiden dan Pengurus Red Hat Asia Pasifik, Dirk-Peter van Leeuwen berkata, "Red Hat sangat gembira bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Melaka untuk menggalakkan kesedaran perisian sumber terbuka di Melaka dan juga berharap dengan penubuhan Pusat Sumber Terbuka Kecemerlangan, kita akan mampu untuk menyediakan kepakaran dan sumber untuk melatih Profesional IT semasa dan masa depan di Malaysia."



Dirk-Peter van Leeuwen (kiri) bersalaman dengan Dr. Mohamed Sulaiman, Ketua ICT Negeri Melaka selepas selesai menandatangani MoU persefahaman.

## Peraturan perniagaan Online lindungi hak pengguna

Berkuat kuasa pada 1 Julai 2013, perniagaan dan perkhidmatan dalam talian perlu mematuhi peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012 bagi menjamin kepentingan kepenggunaan.



Peraturan ini diperkenalkan untuk meningkatkan keyakinan pengguna dalam menjalankan transaksi secara elektronik dengan memberi perlindungan menyeluruh dan sekali gus membangunkan perdagangan elektronik di Malaysia.

Antara perkara-perkara di bawah Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna 2012 ini adalah kewajiban perniagaan memaparkan:

- Nama pengendali perniagaan/nama perniagaan/nama syarikat
- Nombor pendaftaran perniagaan/syarikat
- Alamat emel dan nombor telefon atau alamat pengendali perniagaan
- Ciri utama barang atau perkhidmatan
- Harga penuh barang termasuklah harga kos-kos lain yang terlibat
- Kaedah pembayaran
- Terma-terma dan syarat-syarat
- Anggaran masa penghantaran

## Bahagian K-Ekonomi Pelekat WiFi@Melaka

Selaras dengan inisiatif Jalur Lebar Negara (*National Broadband Initiatives*), Bahagian K-Ekonomi di dalam usaha untuk menggalakkan lebih banyak premis di Melaka menawarkan perkhidmatan internet tanpa wayar/jalur lebar (WiFi) dengan membuat penandaan pelekat WiFi@Melaka di premis-premis yang telah dikenalpasti.

Pelekat WiFi@Melaka yang disediakan oleh Bahagian K-Ekonomi terdapat di dalam dua warna, bagi memberikan indikasi WiFi yang disediakan oleh pemilik premis. Pelekat warna biru menandakan perkhidmatan WiFi percuma manakala pelekat warna merah bagi menandakan perkhidmatan WiFi berbayar.



Penandaan pelekat WiFi@Melaka ini telah dilakukan di hampir semua premis yang mempunyai kemudahan WiFi di negeri Melaka, dan usaha ini adalah berterusan kepada penandaan bagi premis yang baru menawarkan perkhidmatan WiFi kepada pelanggan mereka. Tumpuan utama penandaan ini adalah di semua *Quick Service Restaurant* (QSR) diikuti dengan pasar raya, restoren serta premis persendirian yang terdapat di Negeri Melaka, sepanjang tahun ini.



Salah sebuah premis perniagaan yang mempunyai pelekat WiFi@Melaka

Bagi memudahkan para pengunjung mengenalpasti premis yang menyediakan perkhidmatan WiFi ini, Bahagian K-Ekonomi telah membangunkan satu portal penandaan lokasi WiFi di negeri Melaka yang boleh dicapai di <http://nbi.emelaka.gov.my/>

Diharapkan dengan adanya usaha ini lebih banyak pengurus premis dapat menyediakan perkhidmatan internet tanpa wayar/jalur lebar kepada pelanggan dan seterusnya kadar penggunaan internet dapat dipertingkatkan terutamanya di Negeri Melaka ini.

## Aplikasi MyHRMIS & JPA Demo di Google Play 'Berbahaya'

Pengguna telefon pintar yang berasaskan sistem pengoperasian Android perlu berhati-hati dengan aplikasi MyHRMIS & JPA Demo di Google Play kerana aplikasi ini telah dimuatnaik oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mencuri maklumat yang berada di telefon pengguna.

Aplikasi ini dimuatnaik kononnya bertujuan untuk demo My HRMIS di Selangor pada 14 Mac 2013. Namun pihak JPA dan SUK Selangor mengesahkan bahawa pihak mereka tidak terlibat dalam pembangunan aplikasi tersebut.



## Bill Gates Pengasas Syarikat Microsoft



### PERMULAAN HIDUP

Bill Gates atau nama sebenarnya William Henry Gates III dilahirkan pada 28 Oktober 1955 di Seattle, Washington. Anak kedua daripada tiga adik beradik ini datang daripada sebuah keluarga yang berkecayaan di mana bapa mereka William Henry Gates II adalah seorang peguam dan ibu mereka Mary Maxwell Gates pernah menjadi guru sebelum berhenti kerana mahu menumpukan masa kepada keluarga dan kemudiannya menjadi seorang ahli perniagaan.

Bill Gates mula menunjukkan minat dalam bidang pengaturcaraan komputer semasa beliau belajar di 'Lakeside School'. Ketika itu beliau baru berumur 13 tahun di mana beliau sangat meminati penggunaan bahasa pengaturcaraan BASIC pada komputer 'General Electric' sehingga beliau diberi perlepasan daripada kelas Matematik untuk meneruskan minat beliau.

Hasilnya, beliau dapat membangunkan sebuah program komputer iaitu sebuah permainan tic-tac-toe yang membolehkan pemain bermain dengan komputer. Bill Gates menghabiskan pelajarannya di 'Lakeside School' pada tahun 1973 dan meneruskan pelajarannya di 'Harvard College' atau lebih dikenali pada masa kini dengan nama 'Harvard University'

### PAUL ALLEN

Umum diketahui bahawa Paul Allen merupakan pengasas bersama Syarikat Microsoft dengan Bill Gates. Perkenalan mereka mula terjalin sejak di 'Lakeside School' di mana Paul Allen merupakan senior kepada Bill Gates. Mereka menggunakan

masa lapang yang ada dengan besama-sama membangunkan program komputer. Pada tahun 1970, mereka membangunkan sebuah program komputer yang dinamakan 'Traf-O-Data' di mana program ini dapat membantu memantau pola lalu lintas (*traffic patterns*) di Seattle dan seterusnya membentuk sebuah syarikat hasil daripada program tersebut dan dinamakan sebagai Syarikat Traf-O-Data.



Bill Gates bergambar bersama Paul Allen (kanan)

Kemudian mereka meneruskan pengajian mereka namun berlainan institusi pendidikan di mana Bill Gates meneruskan pengajian di 'Harvard University' manakala Paul Allen belajar di 'Washington State University'. Walaubagaimanapun hubungan mereka tidak terputus pada ketika itu.

### PERMULAAN KARIER

Pengajian Bill Gates di 'Harvard College' tidak berjalan dengan sempurna. Beliau banyak menghabiskan masa beliau di makmal komputer berbanding dengan kelas. Beliau masih lagi berhubung dengan Paul Allen yang ketika itu tidak menamatkan pengajiannya di universiti dan berpindah ke Boston dan berkerja di syarikat Honeywell. Kemudian pada tahun 1974, Bill Gates mengikuti Paul Allen dengan berkerja di syarikat Honeywell.

Titik tolak perubahan besar dalam hidup mereka mula berlaku di mana Paul Allen telah menunjukkan Majalah 'Popular Electronic' kepada Bill Gates di mana muka hadapan majalah tersebut memaparkan sebuah mini-komputer 'MITS Altair 8800'.

Mereka merasa begitu teruja dan berfikir bahawa kemungkinan mini-komputer ini berpeluang untuk dijadikan sebagai komputer peribadi pada suatu masa nanti dan mengambil peluang tersebut untuk membangunkan sebuah syarikat perisian komputer.



Pada tahun 1975, mereka menubuhkan sebuah syarikat yang dipanggil 'Micro-Soft' yang terletak di Albuquerque dan ditukar namanya kepada Microsoft setahun kemudian. Syarikat Microsoft pada mulanya beroperasi dengan sebuah perisian BASIC yang menggunakan Komputer Altair namun pengemaskini komputer yang mendapatkan salinan perisian mereka di pra-pasaran telah menghasilkan semula dan mengedarkannya secara percuma. Bill Gates melihat perkara ini dari sudut berbeza iaitu pengedaran perisian secara percuma dilihat sebagai mencuri terutamanya pada perisian yang dihasilkan untuk dijual.

### KEJAYAAN MICROSOFT

Permulaan daripada kejayaan syarikat Microsoft adalah daripada melesenkan sistem operasi MS-DOS kepada syarikat IBM untuk dijadikan sistem operasi bagi komputer IBM. Pertumbuhan syarikat semakin hari semakin berkembang dari semua aspek seperti jumlah pekerja mahupun keuntungan syarikat. Pada tahun 1981, syarikat Apple telah menjemput syarikat Microsoft untuk membantu membangunkan perisian bagi kegunaan komputer Macintosh. Melalui perkongsian pengetahuan ini, syarikat Microsoft bercadang untuk membangunkan sebuah sistem operasi yang dipanggil Windows yang beroperasi menggunakan antara muka grafik. Akhirnya pada tahun 1985, syarikat Microsoft melancarkan sistem pengoperasian Windows.

Sumber: gatesfoundation.org, Forbes.com, Wikipedia, biography.com

Bill Gates pada masa itu merupakan presiden dan pengerusi lembaga syarikat telah menawarkan syarikat Microsoft kepada awam dengan IPO (Initial Public Offering) sebanyak USD21 untuk setiap pegangan. Syarikat Microsoft dan Bill Gates menjadi jutawan dalam serta merta semenjak penawaran IPO tersebut.

Kejayaan syarikat Microsoft juga dipengaruhi oleh gaya kepimpinan Bill Gates di mana beliau suka mencabar idea yang dihasilkan oleh pekerja-pekerjanya untuk memastikan perkembangan idea yang kreatif sentiasa berlaku.



Gambar pekerja-pekerja Syarikat Microsoft seawal penubuhannya.

### KEHIDUPAN PERIBADI

Bill Gates berkahwin dengan pasangannya iaitu Melinda French pada 1 Januari 1994 di Hawaii. Perkenalan dengan isterinya bermula pada tahun 1989 di mana isterinya merupakan seorang eksekutif di syarikat Microsoft. Pasangan yang dilihat sangat ideal itu telah dikurniakan tiga orang anak hasil daripada perkahwinan mereka.

Selain itu, berlaku juga satu peristiwa penting dalam kehidupan Bill Gates iaitu kematian ibu kandungnya yang amat disayangi pada tahun 1994 akibat daripada barah payu dara.

### DERMAWAN

Bill Gates menubuhkan Yayasan Bill & Melinda Gates khusus untuk menyokong pendidikan, kesihatan, pelaburan untuk golongan berpendapatan rendah dengan mendermakan sebanyak USD 28 Bilion kekayaan mereka. Minat terhadap usaha ini dipengaruhi oleh isterinya, Melinda.

## Fakta Menarik Bill Gates



- 7 Manusia terkaya dunia (Mei 2013) dengan kekayaan sebanyak USD 72.7 Billion - *Blommborg.com*
- 2 Manusia ke-4 paling berpengaruh di dunia pada tahun 2012 - *Forbes.com*
- 3 Tidak menghabiskan pembelajarannya di Harvard kerana ingin mengambil peluang menubuhkan syarikat Microsoft - *TIME.com*
- 4 Pernah digantung persekolahan kerana 'mencuri' waktu penggunaan komputer dengan mengeksploitasi kelemahan yang ada pada sistem komputer berkenaan - *Wikipedia.org*
- 5 Meletakkan jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Microsoft pada tahun 2000 - *CNN.com*



### iPad 4

Dual-core A6X with quad-core graphics  
iOS 6  
1GB RAM  
9.7 inch (2048x1536)  
5MP/1.2MP (front)  
11560 mAh (battery)  
652 gram  
RM1499 (16GB)



### Samsung Galaxy Tab 2

Dual-core 1 GHz Cortex-A9  
Android 4.0  
1GB RAM  
10.1 inch (1280x800)  
3MP/VGA (front)  
7000 mAh (battery)  
588 gram  
RM1099 (16GB)



### Microsoft Surface RT

Quad-core NVIDIA Tegra 3  
Windows RT  
2GB RAM  
10.6 inch (1366x768)  
1.2MP/1.2MP (front)  
31000 mAh (battery)  
680 gram  
RM1099 (32GB)

## PERBANDINGAN TABLET 2013 (Semasa)

RM1499 (16GB)  
603 gram  
9000 mAh (battery)  
5MP/1.9MP (front)  
10.1 inch (2560x1600)  
2GB RAM  
Android 4.2  
Dual-core 1.7 GHz Cortex-A15

### Galaxy Nexus 10



RM2199 (32GB)  
598 gram  
6757 mAh (battery)  
8MP/2MP (front)  
10.1 inch (1920x1200)  
1GB RAM  
Android 4.0  
1.6 GHz quad-core NVIDIA Tegra 3

### Asus Transformer Pad Infinity




RM1499 (16GB)  
495 gram  
6000 mAh (battery)  
8.1MP/2.2MP (front)  
10.1 inch (1920x1200)  
2GB RAM  
Android 4.1  
Quad-core 1.5 GHz Krait

### Sony Xperia Tablet Z



## Sistem Pengoperasian Linux 2013 Yang POPULAR



### Ubuntu

**"Linux For Human Beings"**


- Pembangunan berasaskan Debian oleh Canonical Ltd dan Komuniti Ubuntu sendiri.
- Keluaran pertama pada 20 Oktober 2004 iaitu Ubuntu 4.10 dengan kod nama 'Warty Warthog'
- Antara sistem pengoperasian yang sangat popular di kalangan penggemar Linux.
- Keluaran terkini adalah Ubuntu 13.04 dengan kod nama 'Raring Ringtail'.



### Linux Mint


**"From Freedom Came Elegance"**

- Pembangunan berasaskan Debian dan Ubuntu yang diketuai oleh Clement Lefebvre.
- Keluaran pertama pada 27 Ogos 2006 iaitu Linux Mint 1.0 dengan kod nama 'Ada'.
- Penggunaan Linux Mint semakin popular di kalangan pengguna dan sentiasa membayangi Ubuntu.
- Keluaran terkini adalah Linux Mint 15 dengan kod nama 'Olivia'.



### Fedora

- Dibangunkan oleh komuniti yang dipanggil 'Fedora Project' di mana ia dimiliki oleh Red Hat.




### openSUSE

- Dibangunkan oleh komuniti yang dipanggil 'openSUSE Project' dan ditaja oleh SUSE sebuah syarikat perisian sumber terbuka di German.



### Arch Linux

- Dimulakan oleh Judd Vinet pada Mac 2002 sebelum menyerahkannya kepada Aaron Griffin kerana kekangan masa.



### Debian

**"The Universal Operating System"**

- Dibangunkan oleh kolaborasi sukarelawan yang menamakan diri mereka 'The Debian Project'
- Keluaran pertamanya pada 16 Ogos 1993 iaitu Debian 1.1 dengan kod nama 'Buzz'
- Debian popular digunakan untuk kegunaan persendirian dan mesin 'Server'
- Keluaran terkini adalah Debian 7.1 dengan kod nama 'Wheezy'.













- |  |   |
|--|---|
|  <b>1. Maps</b><br>Google Inc.          |  <b>6. Street View On Google Maps</b><br>Google Inc. |
|  <b>2. Gmail</b><br>Google Inc.         |  <b>7. Voice Search</b><br>Google Inc.               |
|  <b>3. YouTube</b><br>YouTube           |  <b>8. Skype-free IM &amp; video calls</b><br>Skype  |
|  <b>4. Facebook</b><br>Facebook         |  <b>9. Angry Birds</b><br>Rovio Mobile Ltd           |
|  <b>5. Google Search</b><br>Google Inc. |  <b>10. WhatsApp Messenger</b><br>WhatsApp Inc.      |



- |  |  |
|--|--|
|  <b>1. Facebook</b><br>Facebook, Inc.           |  <b>6. Words With Friend Free</b><br>Zynga Inc.                   |
|  <b>2. Pandora Radio</b><br>Pandora Media, Inc. |  <b>7. The Weather Channel</b><br>The Weather Channel Interactive |
|  <b>3. Instagram</b><br>Burbn, Inc.             |  <b>8. Twitter</b><br>Twitter, Inc.                               |
|  <b>4. YouTube</b><br>Google, Inc.              |  <b>9. Temple Run</b><br>Imangi Studios, LLC                      |
|  <b>5. Skype for iPhone</b><br>Skype S.a.r.l    |  <b>10. Google Search</b><br>Google, Inc.                         |

## Aplikasi Percuma Paling Diminati



- | APPS   | GAMES   |
|--|---|
|  <b>1. YouTube</b><br>Esunoka               |  <b>1. AE City Jump</b><br>AE Mobile                 |
|  <b>2. Facebook</b><br>Microsoft Corp       |  <b>2. AE 3D Moto - The Lost City</b><br>AE Mobile   |
|  <b>3. Pandora</b><br>Pandora Media Inc.    |  <b>3. AE Bubble</b><br>AE Mobile                    |
|  <b>4. Unit Converter</b><br>Microsoft Corp |  <b>4. Super Golf Land</b><br>Random Salad Games LLC |
|  <b>5. Skype</b><br>Microsoft Corp          |  <b>5. Temple Run</b><br>Imangi Studio, LLC          |



- | APPS  | GAMES  |
|---|--|
|  <b>1. WhatsApp Mesenger</b><br>Whatsapp Inc.      |  <b>1. Shark Attack</b><br>Spice                    |
|  <b>2. Photo Studio</b><br>KVAD Group              |  <b>2. Candy Crush World FREE</b><br>Ajani Infotech |
|  <b>3. Blackberry Mesenger</b><br>RIM Ltd.         |  <b>3. Logo Quiz</b><br>Spice                       |
|  <b>4. LINE</b><br>LINE Corporation                |  <b>4. Bomberman vs Zombies</b><br>Contlex Labs LLP |
|  <b>5. WeChat</b><br>WeChat International Pte. LTD |  <b>5. Amazing Pool</b><br>Contlex Labs LLP         |

## KAKITANGAN KERAJAAN *Sertai* BENGKEL ASAS JOOMLA!

Bengkel Asas Pembangunan Laman Web CMS: Joomla! telah diadakan selama dua hari yang bermula pada 16-17 Julai 2013 bertempat di Pusat ICT Negeri Melaka, Bangunan Pusat Transformasi Bandar (UTC). Bengkel ini telah mendapat penyertaan yang sangat menggalakkan di mana 36 orang peserta telah mendaftarkan diri.

Peserta bengkel telah didedahkan dengan potensi sebenar perisian sumber terbuka Joomla! yang boleh digunakan sebagai sebuah laman web portal korporat atau organisasi. Peserta juga dilatih secara teori dan praktikal pembangunan Joomla! sehingga menjadi sebuah laman web dan boleh dikemaskini sendiri tanpa perlu menggunakan khidmat profesional. Secara keseluruhannya latihan membina laman web tersebut menggalakkan organisasi menggunakan perisian sumber terbuka yang terbaik untuk mereka agar dapat menjimatkan kos tetapi tidak menjejaskan kualitinya. Di akhir bengkel ini, sebuah laman web *Content Management System* menggunakan Joomla! dapat dihasilkan oleh setiap peserta.

Salah seorang peserta, Pn. Mazliyana dari INSPIM, berkata, program ini sungguh memberi manfaat dan sesuai kepada beliau dan rakan-rakan. Tambahnya lagi, walaupun beliau bukan kakitangan terlibat dalam kerja Teknologi Maklumat (IT), beliau dapat mempelajari modul ini dengan baik. Latihan sebegini seharusnya diberikan kepada semua penjawat awam tambah beliau lagi. Salah seorang lagi peserta En. Amran Amad, dari Kem Terendak begitu gembira dapat menyertai kursus ini. Ini merupakan pekara baru kepada beliau yang merupakan seorang tentera. "Kini baru saya tahu begitu mudah untuk membina laman web," kata beliau.



Adobe Photoshop@UTC Melaka

6 Julai 2013



Bengkel Asas Joomla 2.5@UTC Melaka

16 -17 Julai 2013

## 40 GURU SK CONVENT INFANT JESUS 2 *Pelajari* ADOBE PHOTOSHOP

Bertempat di Aras 6 Pusat ICT Negeri Melaka, Bangunan Pusat Transformasi Bandar (UTC), Bahagian K-Ekonomi telah menganjurkan Bengkel Adobe Photoshop pada 6hb Julai 2013 yang lalu. Ini merupakan kerjasama pertama di antara Bahagian K-Ekonomi dan SK Convent Infant Jesus 2 dalam membantu meningkatkan pengetahuan dalam bidang ICT dan Multimedia kepada pendidik.

Pengetua SK Convent Jesus 2, Puan Rosalind Chan yang turut serta dalam program ini berasa seronok menjalani latihan Adobe Photoshop ini. Beliau berpandangan kursus sebegini perlu diterapkan kepada guru - guru bagi meningkatkan kemahiran kreatif dan kritis.

Ini kerana pengetahuan sebegini juga sedikit sebanyak dapat diaplikasikan dalam perkhidmatan

yang dijalankan oleh mereka dengan menyediakan bahan pendidikan yang lebih informatif dan menarik perhatian pelajar.



Para Guru SK Convent Infant Jesus 2 menjalani bengkel




Corel Video Studio X4@SMK Tinggi Melaka

20 Julai 2013



Latihan Asas Komputer & Internet  
Kakitangan Awam Gred 1-17

23 Julai 2013



Taklimat Program ICON  
di Auditorium Seri Negeri

22 Julai 2013





### Facebook

1.15 bilion pengguna  
[www.facebook.com](http://www.facebook.com)



### Youtube

1 bilion pengguna  
[www.youtube.com](http://www.youtube.com)



### Twitter

500 juta pengguna  
[twitter.com](http://twitter.com)



### Google+

343 juta pengguna aktif  
[plus.google.com](http://plus.google.com)



### Tagged

330 juta pengguna  
[www.tagged.com](http://www.tagged.com)



### LinkedIn

225 juta pengguna  
[www.linkedin.com](http://www.linkedin.com)



### Instagram

130 juta pengguna  
[instagram.com](http://instagram.com)



### Tumblr

127.7 juta blog  
[www.tumblr.com](http://www.tumblr.com)



### Flickr

87 juta pengguna  
[www.flickr.com](http://www.flickr.com)



### Netlog

84 juta pengguna  
[netlog.com](http://netlog.com)



### Pinterest

70 juta pengguna  
[pinterest.com](http://pinterest.com)



### reddit

69.9 juta pengguna  
[www.reddit.com](http://www.reddit.com)



### WordPress

66 juta blog  
[wordpress.com](http://wordpress.com)



### Flipboard

56 juta pengguna  
[flipboard.com](http://flipboard.com)



### Keek

45 juta pengguna  
[www.keek.com](http://www.keek.com)

# Media Sosial Yang Perlu Anda Tahu !



### Foursquare

[foursquare.com](http://foursquare.com)



### MyLife

[www.mylife.com](http://www.mylife.com)



### Bebo

[www.bebo.com](http://www.bebo.com)



### busuu

[www.busuu.com](http://www.busuu.com)



### Classmates

[classmates.com](http://classmates.com)



### deviantART

[www.deviantart.com](http://www.deviantart.com)



### Flixster

[www.flixster.com](http://www.flixster.com)



### Formspring

[formspring.me](http://formspring.me)



### hi5

[www.hi5.com](http://www.hi5.com)



### Hyves

[hyves.nl](http://hyves.nl)



### Last.fm

[www.last.fm](http://www.last.fm)



### LiveJournal

[livejournal.com](http://livejournal.com)



### Livemocha

[livemocha.com](http://livemocha.com)



### MocoSpace

[mocospace.com](http://mocospace.com)



### MyHeritage

[myheritage.com](http://myheritage.com)



### Myspace

[myspace.com](http://myspace.com)



### orkut

[www.orkut.com](http://www.orkut.com)



### Plaxo

[www.plaxo.com](http://www.plaxo.com)



### Plurk

[www.plurk.com](http://www.plurk.com)



### Ravelry

[www.ravelry.com](http://www.ravelry.com)



### Sonico

[www.sonico.com](http://www.sonico.com)



### Stickam

[www.stickam.com](http://www.stickam.com)



### StumbleUpon

[stumbleupon.com](http://stumbleupon.com)



### Tylted

[m.cellufun.com](http://m.cellufun.com)



### Viadeo

[www.viadeo.com](http://www.viadeo.com)



### Virb

[virb.com](http://virb.com)



### Xanga

[www.xanga.com](http://www.xanga.com)



### delicious

[delicious.com](http://delicious.com)



### eToro

[www.etoro.com](http://www.etoro.com)



### GetGlue

[getglue.com](http://getglue.com)



### Kiwibox

[www.kiwibox.com](http://www.kiwibox.com)



### aNobii

[www.anobii.com](http://www.anobii.com)

Sumber: [expandedramblings.com](http://expandedramblings.com), [Wikipedia.org](http://Wikipedia.org)

## Bahagian K-Ekonomi

Jabatan Ketua Menteri Melaka

“Selamat Hari Raya Aidilfitri”

Maaf Zahir dan Batin

